

Ibu tunggal huni wad terima sumbangan MAINS

Harian Metro
19/2/2018
(ms 64)

Seremban: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) akan menyalurkan bantuan kepada ibu tunggal, Maslinda Abd Rahman, 44, yang menghuni wad pedia- trik Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) kerana menjaga anaknya, Muhammad Nazaruddin Roslan, 11, yang menghidap *Cerebral Palsy (CP)*, sejak tiga bulan lalu.

Setiausahanya, Kamal Amran Kamarudin berkata, pihaknya akan meneliti keperluan wanita itu yang mahukan sebuah rumah

berikutan tiada tempat tinggal untuk menjaga anaknya.

Katanya, masalah menimpa Maslinda dalam pengetahuan pihaknya dan tindakan diambil Pejabat Daerah Seremban dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Dalam masa terdekat, pegawai kami akan menghubungi Maslinda dan berbincang mengenai tempat tinggal sesuai untuk keluarganya.

"Kita juga bertemu ke-

rajaan negeri dan JKJ un- tuk menyalurkan bantuan lain termasuk perubatan dan kebajikan lain," kata- nya ketika dihubungi, se- malam.

Kamal Amran berkata, Maslinda adalah penerima bantuan asnaf miskin Bai- tulmal Seremban dari 5 Ja- nuari 2011 hingga 1 Februari lalu.

"Pihak Baitulmal sudah menyalurkan bantuan se- banyak 80 kali seperti per- ubatan, kebajikan, perse- kolahan, bantuan bulanan



dan beras.

"Biarpún begitu, kami fa- ham keadaannya dan akan

terus membantu," katanya.

Menurutnya, pada 30 Ja- nuari lalu pihaknya menzia- rahi Muhammad Nazaruddin di HTJ dan turut ke rumah sewa Maslinda di Pajam, Ni- lai sehari kemudian.

"Dalam kunjungan itu kami menyerahkan katil, ti- lam, keperluan makanan dan pakaian sekolah.

"Berdasarkan rekod, pi- hak Baitulmal pernah mem- biayai sejumlah wang de- posit pembayaran rumah kepada keluarga wanita itu," katanya.